



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Malaysian Examinations Council



Laporan Peperiksaan

STPM 2023



Perakaunan (948)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 1 810 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 51.60%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.01	4.20	6.57	5.47	7.85	10.11	8.40	5.76	3.76	6.67	32.21

RESPONS CALON

KERTAS 948/1 (PERAKAUNAN KEWANGAN)

Komen am

Tahun 2023 menunjukkan mutu jawapan calon yang tidak memuaskan berbanding STPM tahun 2022. Kebanyakan calon tidak dapat menentukan jenis aset, liabiliti dan ekuiti dalam soalan 1. Purata markah calon semakin merosot bagi soalan ini, apabila calon gagal menghitung jumlah keseluruhan persamaan perakaunan menggunakan jadual persamaan iaitu, $\text{aset} = \text{liabiliti} + \text{ekuiti}$ pemilik. Bagi STPM tahun 2023 ini, masih terdapat calon menggunakan istilah akaun yang salah atau menggunakan nama akaun lain, selain dari yang diberi dalam soalan bagi menyediakan jawapan jurnal dan penyata kewangan, calon sepatutnya mengguna pakai istilah akaun yang sedia ada dalam soalan.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan **satu** contoh pengguna dalaman dan **satu** contoh pengguna luaran dan menjelaskan bagaimana maklumat dalam penyata kewangan berguna kepada mereka. Kebanyakan calon dapat menyatakan contoh pengguna namun gagal menjelaskan bagaimana maklumat dalam penyata kewangan berguna kepada mereka dengan tepat. Contoh jawapan calon yang tidak diterima ialah:

	Jawapan calon	Sebab salah
Pengguna dalaman	Pelapor kewangan	Tidak menyatakan dengan jelas siapa pelapor
Pengguna luaran	Masyarakat	Terlalu umum

Contoh jawapan calon yang tidak diterima	
Kegunaan kepada mereka	Pengurus – bagi menentukan keuntungan perniagaan.
	Masyarakat – membuat keputusan berdasarkan maklumat penyata kewangan.
	Perakaunan – untuk merekod penyata kewangan dan membandingkan prestasi semasa dan sebelum.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Pengguna Dalaman – Pihak Pengurusan/Kesatuan sekerja, kegunaan penyata kewangan kepada mereka, bagi menilai keputusan, mengukur prestasi organisasi dan menilai pencapaian prestasi bagi tuntutan bonus dan kenaikan gaji.

Pengguna luaran – Pelabur/bakal pelabur, pihak bank, pemiutang atau agensi kerajaan. Kegunaan penyata kewangan kepada mereka bagi mengetahui nilai modal dan pulangan balik berbentuk dividen atau melihat keupayaan syarikat membayar semula pinjaman, hutang perniagaan dan cukai perniagaan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghuraikan prinsip dan andaian perakaunan dipatuhi atau tidak dipatuhi bagi setiap urus niaga perniagaan yang diberi. Kebanyakan jawapan calon bagi menyatakan prinsip diterima umum dipatuhi atau tidak adalah tepat, masalah calon adalah di bahagian pemerihalalan prinsip itu.

Secara keseluruhan, jawapan calon dalam menghurai prinsip perakaunan ialah secara umum. Calon perlu memberikan jawapan mengikut situasi urus niaga yang telah diberi. Jawapan calon secara umum yang tidak merujuk kepada kes yang diberi telah menyebabkan calon gagal memperoleh markah pada huraian. Antara contoh jawapan calon yang tidak diterima ialah:

(1)	Prinsip Realisasi/ Prinsip pengiktirafan hasil tidak dipatuhi	Hasil hanya boleh diiktiraf selagi ia telah direalis dan wujud obligasi.
	Prinsip konservatisme tidak dipatuhi	Semua belanja perlu diambil kira tetapi hasil hanya direalis apabila dia benar-benar telah berlaku.
	Prinsip keobjektifan dipatuhi	Semua urus niaga direkod berdasarkan bukti dokumen urus niaga yang sah.
(2)	Prinsip pendedahan penuh tidak dipatuhi	Kes mahkamah belum dibicarakan dan perlu didedahkan dalam nota kepada akaun.

Jawapan yang sepatutnya bagi urus niaga (1) dan (2) adalah seperti yang berikut:

(1)	Prinsip Realisasi/ Prinsip pengiktirafan hasil tidak dipatuhi	Sebarang hasil tidak boleh diiktiraf selagi lot tanah tidak dijual.
	Prinsip konservatisme tidak dipatuhi	Nilai lot tanah tidak boleh dilebih nyata selagi hasil belum diperoleh/direalis
	Prinsip keobjektifan dipatuhi	Nilai tanah diberikan oleh jurunilai bertauliah perlu diiktiraf.
(2)	Prinsip konservatisme tidak dipatuhi	Semua kerugian mungkin berlaku perlu diambil kira, maka belanja saman perlu direkod.
	Prinsip pendedahan penuh tidak dipatuhi	Kes mahkamah belum dibicarakan dan perlu didedahkan dalam nota kepada akaun.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon merekod semua urus niaga serta menentukan jenis aset, liabiliti dan ekuiti pemilik menggunakan format persamaan perakaunan dan menunjukkan jumlah bagi aset, liabiliti dan ekuiti pemilik. Majoriti calon keliru tentang kedudukan akaun overdraf bank. Bank merupakan aset perniagaan, cuma apabila bakinya overdraf maka, baki awal bank sepatutnya dilabel dengan simbol negatif. Namun begitu, kesilapan ramai calon ialah meletakkan overdraf bank di bahagian liabiliti, dan bukan di bahagian aset.

Selain daripada masalah menentukan kedudukan overdraf bank, majoriti calon yang menjawab soalan 1, tidak dapat menghitung urus niaga yang berlaku pada 20 Februari. Urus niaga itu menyatakan perniagaan menjual 40% daripada barang niaga dengan margin keuntungan 35% kepada pelanggan. Maka calon perlu menjumlahkan inventori terlebih dahulu dengan tepat sebelum menggunakan pendekatan tokokan. Terdapat juga segelintir calon yang telah dapat menjumlahkan kos inventori dengan tepat tetapi tersilap menggunakan pendekatan margin keuntungan. Jalan penghitungan pendekatan tokokan ialah seperti yang berikut:

Kos jumlah inventori $RM103,450 \times 40\% = RM41,380$ (inventori berkurangan)

Jualan kredit pada tokokan $100/65 \times RM41380 = RM63,662$ (akaun belum terima bertambah)

Ekuiti pemilik bertambah = $RM63,662 - RM41,380 = RM22,282$ (untung bertambah)

Kebanyakan calon gagal mendapat markah tinggi untuk soalan ini kerana kegagalan merekod urus niaga ke dalam akaun yang tepat. Bagi calon yang menulis jawapan dengan angka tanpa menentukan jenis aset, liabiliti atau ekuiti pemilik, keseluruhan jawapan calon tidak diterima kerana tidak akur kepada kehendak soalan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Tarikh	ASET						LIABILITI		MODAL
	Kelengkapan	Inventori	ABT	Tunai	Bank	Sewa Prabayar	ABB	Sewa BB	Ekuiti
Baki b/b	28,000	86,700	36,870	2,850	(12,855)		69,200	1,200	71,165
Jawapan akhir	34,250	61,490	78,133	78,133	20,015	1,200	92,200	1,200	2,937
	205,137						92,200		112,937

Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan bagaimana liabiliti wujud daripada urus niaga belanja dan urus niaga hasil dan berikan satu contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kelemahan calon bagi soalan ini ialah tidak dapat memberikan contoh liabiliti bagi urus niaga belanja, calon memberi jawapan akaun belum bayar sebagai contoh urus niaga. Jawapan ini tidak diterima kerana belian secara kredit, bukan merupakan urus niaga belanja. Namun begitu calon berjaya memperoleh markah bagi liabiliti yang wujud bagi urus niaga hasil. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- Belanja belum bayar – belanja yang telah berlaku di dalam sesuatu tempoh perakaunan tetapi bayaran tunai masih belum dibuat. Contoh: Belanja utiliti belum bayar.
- Hasil terdahulu – penerimaan tunai telah berlaku tetapi barangan atau perkhidmatan belum diserahkan/diberikan kepada pelanggan. Contoh: Hasil sewa belum terperoleh

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan catatan jurnal untuk merekodkan urus niaga yang diberikan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan petikan bahagian liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa dalam penyata kedudukan kewangan. Kebanyakan calon masih menggunakan istilah yang lama seperti belanja terakru dan tidak menggunakan istilah yang sedia ada dalam soalan. Jawapan calon juga membuktikan bahawa mereka tidak mahir merekod urus niaga jurnal.

1. Urus niaga pada 1 Disember 2022, kesilapan memberi butiran yang tepat bagi urus niaga. Kebanyakan calon memberi jawapan seperti yang berikut:

Dt	Akaun belum bayar	RM120,000	
	Kt	Nota belum bayar	RM120,000

Jawapan yang sepatutnya jawapannya adalah seperti yang berikut:

Dt	Tunai / Bank	RM120,000	
	Kt	Nota belum bayar 8%	RM120,000

Terdapat juga sebilangan calon tidak memberikan pelarasan faedah nota belum bayar 8% seperti yang berikut:

Dt	Belanja faedah	RM800	
	Kt	Belanja faedah belum bayar (120,000 × 8% × 1/12)	RM800

Pelarasan ini perlu diberi kerana bahagian b(ii) memerlukan calon memberi petikan bahagian liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa di penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022.

2. Urus niaga 2 Disember 2022 yang memerlukan calon merekod hasil sewa, sewa belum terperoleh dan deposit sewa. Kebanyakan calon telah memberi jawapan hasil sewa, deposit sewa dan hasil sewa belum terperoleh dengan angka yang kurang tepat. Terdapat juga jawapan calon yang merekod hasil terimaan hasil sewa itu sebagai hasil sewa belum terperoleh tanpa mewujudkan akaun deposit sewa. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Dt	Tunai	RM15,000	
	Kt	Hasil sewa	RM 2,000
	Kt	Deposit sewa	RM 3,000
	Kt	Hasil sewa belum terperoleh	RM10,000

3. Urus niaga merekod cukai jualan dan perkhidmatan pada 31 Disember 2022, di mana calon tidak menggunakan terma yang tepat, iaitu cukai jualan dan perkhidmatan belum bayar. Selain daripada masalah memberi terma yang tepat, calon juga bermasalah memberi jawapan angka hasil jualan yang tersilap catat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Dt	Hasil jualan (RM1,380,000 × 15/115)	RM180,000	
	Kt	Cukai jualan dan perkhidmatan belum bayar	RM180,000

4. Urus niaga bonus yang sepatutnya diberikan jawapan debit belanja bonus dan kredit belanja bonus belum bayar sebanyak RM72,000 telah menunjukkan kesilapan calon, apabila mereka menjawab dengan catatan kredit menggunakan terma peruntukkan bonus.
5. Urus niaga gaji yang melibatkan belanja KWSP, potongan cukai pekerja, belanja gaji bersih dan belanja-belanja yang belum bayar, menunjukkan calon tidak berupaya memberi jawapan yang tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Dt	Belanja gaji	RM15,000	
	Belanja KWSP	RM 1,800	
Kt	KWSP belum bayar (RM1,500 + RM1,800)		RM 3,300
Kt	Cukai belum bayar		RM 300
Kt	Gaji belum bayar		RM13,200

Namun demikian, kesukaran calon mendapat markah yang baik bagi bahagian b(i) tidak memberi kesan kepada kutipan markah calon di bahagian b(ii). Hal sedemikian adalah kerana calon dapat memberikan jawapan bahagian b(ii) seperti yang berikut:

LIABILITI SEMASA

Akaun belum bayar(186,400+28,000)	RM214,800
Lain-lain belum bayar	RM302,900
Nota belum bayar 8%	RM120,000
Nota belum bayar 10%	RM 60,000

LIABILITI BUKAN SEMASA

Pinjaman bercagar	RM100,000
-------------------	-----------

Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan perbezaan antara honorium dengan elaun lembaga pengarah. Majoriti calon lemah dalam menjawab soalan kualitatif, soalan ini diputuskan sebagai soalan KBAT aras mudah. Namun begitu majoriti calon gagal menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Honararium	Elaun Lembaga pengarah
Merupakan saguhati anggota yang memegang jawatan sebagai ahli lembaga koperasi sahaja	Merupakan bayaran kepada ahli lembaga koperasi yang berkhidmat dalam koperasi
Diberikan sekiranya koperasi mempunyai lebihan selepas pembahagian keuntungan berkanun.	Direkod sebagai belanja di penyata pendapatan koperasi sebelum menentukan keuntungan koperasi.
Merupakan agihan dan bergantung kepada keuntungan koperasi	Merupakan belanja bagi bayaran khidmat ahli lembaga mengikut jumlah yang ditetapkan

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif koperasi. Kebanyakan calon gagal memberikan jawapan yang tepat. Kelemahan calon, ialah mereka tidak dapat menyediakan penyata pendapatan dengan untung bersih yang tepat. Ini adalah kerana kebanyakan calon kehilangan markah akibat gagal membuat pelarasan kepada belanja. Antara pelarasan akaun belanja yang gagal dihitung oleh calon adalah seperti yang berikut:

1	Elaun Pekerja (RM2,475 + RM12,900)	RM15,375
2	Insurans (RM12,000 + RM1,200)	RM13,200
3	Air dan elektrik (RM800 + RM7,240 – RM1,295 + RM530)	RM7 275
4	Elaun lembaga (RM8,600 + RM5,100) – RM10,380	RM3 220
5	Belanja susut nilai lengkapan (RM77,996 + RM20,000) – RM93,970	RM4,026

Selain daripada kesilapan menghitung pelarasan, calon juga melakukan kesalahan menulis butiran asing (aset dan liabiliti) di penyata pendapatan komprehensif, serta menggunakan istilah yang tidak terdapat di dalam soalan seperti yang berikut:

- Belanja air dan elektik (calon tulis sebagai belanja utiliti).
- Tidak menulis item belanja di awal akaun seperti belanja alat tulis

Namun ada sebilangan kecil calon dapat memberikan jawapan tepat bagi untung bersih koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 sebanyak RM104,696.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan menyediakan penyata pengasingan untung rugi koperasi. Walaupun jawapan penyata pengasingan untung rugi koperasi berdasarkan angka untung bersih yang telah dihitung di (b)(i), namun kesilapan menghitung untung bersih tidak memberi impak yang signifikan kepada wajaran markah di (b)(ii). Majoriti calon masih mendapat markah yang baik dengan syarat jalan kerja penghitungan telah ditulis calon dengan tepat di penyata pengasingan untung rugi koperasi seperti yang berikut:

	RM	RM
Untung Bersih		104,696
Kumpulan wang rizab berkanun ($12\% \times \text{RM}104,696$)	12,564	
Kumpulan wang amanah pendidikan ($2\% \times \text{RM}104,696$)	2,094	
Kumpulan wang amanah pembangunan ($1\% \times \text{RM}104,696$)	1,047	15,705
		<hr style="width: 100%; border: 0.5px solid black;"/>
		88,991
Dividen dicadang ($\text{RM}145,000 + \text{RM}12,000$) $\times 10\%$	15,700	
Honorarium ($10\% \times \text{RM}88,991$)	8,899	
Rebet ($\text{RM}304,940 \times 5\%$)	15,247	
Tabung biasiswa	14,830	

Walaupun telah dilaporkan dalam laporan terdahulu, namun masih ada sebilangan kecil calon yang tidak menunjukkan kiraan untuk rizab berkanun dan lain-lain agihan di penyata pengasingan untung rugi koperasi. Ini menyebabkan calon hilang markah pengiraan kerana calon gagal memberi jawapan untung bersih dengan tepat dan menyebabkan agihan markah jawapan seterusnya terjejas.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan petikan kumpulan wang anggota dan rizab. Majoriti calon tidak dapat markah yang penuh. Ini adalah kerana, walaupun angka amaun agihan berkanun adalah salah, tetapi calon masih mendapat markah jalan kerja sekiranya calon dapat memindahkan angka tersebut ke kumpulan wang anggota dan rizab menggunakan jawapan calon di b(ii). Jawapan yang tepat adalah seperti yang berikut:

Kumpulan wang anggota	RM
Modal saham anggota ($\text{RM}145,000 + \text{RM}12,000$)	157,000
Kumpulan wang rizab berkanun	49,804
Tabung biasiswa	74,460
Untung terkumpul	79,825
Rebet ($\text{RM}304,940 \times 5\%$)	15,247
Tabung biasiswa	14,830

Ramai calon mendapat markah yang baik di bahagian ini kerana semua jawapan calon yang dipindahkan dari (b)(ii) walaupun tidak tepat, namun masih diterima di (b)(iii).

Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan **empat** sumber maklumat yang di rujuk untuk menyediakan penyata kewangan bagi yang perniagaan yang tidak menyimpan rekod tak lengkap. Walau pun soalan ini diputuskan sebagai soalan KBAR aras mudah, namun ramai calon tidak mendapat markah penuh kerana calon gagal memberi jawapan yang sepatutnya seperti buku tunai, penyata bank, kad stok, senarai penghutang atau pemiutang, buku daftar aset, dan dokumen sumber (invois, resit dan keratan cek dan lain lain dokumen urus niaga)

Soalan bahagian (b) menghendaki calon memberi perbezaan antara belanja hasil dan belanja modal. Kebanyakan calon masih gagal memberi jawapan yang dikehendaki seperti yang berikut:

- Manfaat perbelanjaan hasil adalah bagi tempoh semasa manakala perbelanjaan modal memberikan manfaat melebihi satu tempoh perakaunan
- Perbelanjaan hasil direkod sebagai belanja dalam penyata pendapatan komprehensif manakala perbelanjaan modal dipermodalkan sebagai aset di penyata kedudukan kewangan

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 December 2022 dan (c)(ii) penyata kedudukan kewangan pada 31 Dec 2022 bagi perniagaan rekod tak lengkap. Terdapat sebahagian kecil calon yang mendapat markah penuh bagi penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan. Kebanyakan calon lemah semasa menghitung pelarasan dalam seperti perkara yang berikut:

1	Jualan [RM3,500 + (RM170 + RM980 - RM110)]	RM4,540
2	Belian [RM1,600 + (RM660 + RM1,080 - RM520)]	RM2,260
3	Belanja sewa (RM250 + RM40 - RM70)	RM220
4	Belanja susut nilai kelengkapan (RM2,300 × 10%)	RM230
5	Belanja faedah pinjaman (RM12,000 × 10% × 6/12)	RM600

Terdapat sebilangan kecil calon yang menulis butiran sebagai belanja alat tulis sebanyak RM60, sebagai alat tulis RM60 sahaja, jawapan ini tidak diterima. Namun begitu kebanyakan calon berjaya menghitung untung kasar sebanyak RM2,745, ditolak jumlah perbelanjaan berjumlah RM2,650 dan akhirnya mendapat untung bersih perniagaan iaitu RM95.

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022. Majoriti calon berjaya peroleh markah penuh, walaupun mereka tidak mendapat untung bersih yang tepat di (c)(i). Kebanyakan calon tidak mengalami masalah untuk menentukan aset bukan semasa iaitu, kelengkapan bersih RM2,070, jumlah aset semasa RM18,210, liabiliti semasa RM730, ekuiti pemilik RM7,550 dan liabiliti jangka panjang sebanyak RM12, 000 dengan tepat.

Namun masih ada calon yang tidak menunjukkan sebarang jalan kerja dan hanya memberikan jawapan akhir sahaja. Ini menyebabkan calon kehilangan markah jalan kerja bagi jawapan yang sepatutnya seperti yang berikut:

- Tunai (RM560 + RM21,920 - RM4,710) yang berjumlah RM17,770.
- Modal awal (RM2,235 - RM220) berjumlah RM2,015

Soalan 5

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menerangkan kelemahan dalam kawalan dalaman bagi 4 situasi yang diberikan dan bahagian (a)(ii) menghendaki calon memberikan cadangan langkah penambahbaikan bagi setiap situasi di (a)(i). Kebanyakan calon memberi jawapan cadangan langkah penambahbaikan yang tepat dan merujuk kepada situasi soalan. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon adalah seperti yang di bawah:

	(a)(i) Prinsip kawalan dalaman yang tidak dipatuhi	(a)(ii) Cadangan penambahbaikan
1	Kawalan fizikal kerana wang disimpan di dalam peti keselamatan tidak berkunci.	Beg atau peti simpanan harus berkunci & disimpan di tempat yang aksesnya terhad.
2	Penetapan tanggungjawab kerana sebuah mesin daftar tunai dikendalikan oleh tiga orang perkerja yang berbeza.	Hanya seorang pekerja bertugas sebagai juruwang pada sebuah mesin daftar tunai pada satu-satu masa.
3	Pengasingan tugas kerana tugas mendeposit dan merekod tunai dibuat oleh pekerja yang sama.	Tugas mendeposit dan merekod tunai perlu dilakukan oleh dua pekerja yang berbeza.
4	Verifikasi dalaman kerana rekod mesin daftar tunai disahkan oleh pekerja yang sama.	Pengesahan jumlah tunai diterima dengan rekod pada mesin daftar tunai harus dilakukan oleh pekerja lain yang tidak bertugas sebagai juruwang seperti penyelia.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan penyata penyesuaian bank setelah mengemaskini buku tunai. Majoriti calon yang menjawab soalan gagal menyediakan penyata penyesuaian bank yang tepat yang mana calon silap menghitung baki buku tunai yang dikemaskini berjumlah RM19,626. Kebanyakan calon memberikan format penyata penyesuaian bank yang tidak lengkap. Bagi penyediaan penyata penyesuaian bank calon sepatutnya memberikan jawapan baki tunai terselaras atau dikemaskini bersama dengan baki penyata yang disesuaikan dengan baki tunai terselaras. Jawapan penyata penyesuaian bank yang sepatutnya setelah mengemaskini buku tunai adalah seperti yang berikut:

	RM	RM
Baki debit buku tunai belum terlaras		19,886
Campur: Kutipan nota oleh bank	2,500	
Faedah atas nota	250	
Kesilapan merekod (RM540 – RM450)	90	
		2,840
		22,726
Tolak: Cek tak layan	2,950	
Caj perkhidmatan bank	50	
Kesilapan merekod (RM330 – RM230)	100	
		(3,100)
Baki debit buku tunai terselaras		19,626

Baki kredit penyata bank belum terlaras		20,651
Campur: Deposit dalam perjalanan	2,725	
Kesilapan catatan bank	400	
Cek belum dikreditkan	500	
		3,625
		24,276
Tolak: Cek belum kemuka		4,650
Baki bank terlaras		<u>19,626</u>

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan catatan jurnal pelarasan bagi mengemaskini buku tunai, ruangan bank. Kebanyakan calon menggunakan terma tunai bagi pelarasan jurnal akaun bank. Penyata bank hanya melibatkan akaun bank, maka calon sepatutnya menjurnalkan akaun bank sahaja seperti yang berikut:

Akaun	Debit	Kredit
Bank	RM2,500	
Nota belum terima		RM2,500
Bank	RM250	
Hasil Faedah		RM250
Bank	RM90	
Akaun Belum Terima		RM90
Akaun Belum Terima	RM2,950	
Bank		RM2,950
Belanja Perkhidmatan	RM50	
Bank		RM50
Akaun Belum Bayar	RM100	
Bank		RM100

Berdasarkan jawapan yang ditunjukkan calon, jelas menunjukkan bahawa calon keliru dengan item yang perlu dikemaskini dalam buku tunai dan penyata bank. Jawapan calon di catatan jurnal disediakan dengan mengambil angka yang ada di dalam soalan, tetapi terma butiran yang digunakan tidak tepat. Secara umum kebanyakan calon menyediakan jurnal dengan keterangan jurnal yang lengkap.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, bilangan calon yang menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini ialah 1 734 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 76.01%.

Pencapaian calon mengikut gred bagi mata pelajaran ini adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.98	8.71	8.54	11.25	13.32	14.42	9.80	3.73	4.37	3.49	12.40

RESPONS CALON

KERTAS 948/2 (PERAKAUNAN KEWANGAN)

Komen am

Secara keseluruhan, kebanyakan calon merancang jawapan mereka dengan baik dan cuba menjawab empat soalan dalam masa yang diperuntukkan. Walau bagaimanapun arahan pada muka hadapan kertas soalan perlu diberikan perhatian oleh calon.

Terdapat tiga kategori jawapan calon. Calon yang cemerlang menjawab soalan dengan sangat baik. Jawapan mereka disusun secara sistematik, teratur, kemas, dan semua jalan penghitungan ditunjukkan dengan jelas. Jawapan bagi soalan kualitatif juga baik dan tepat.

Kategori calon sederhana pula, mereka dapat memberikan jawapan yang baik tetapi agak cuai dalam penggunaan operasi dan juga penggunaan rumus yang betul. Terdapat juga kesilapan mudah seperti pelabelan unit jawapan berkaitan RM dan bukan RM.

Kategori calon yang lemah tidak menjawab soalan dengan baik. Calon tidak merancang jawapan mereka agar lebih tersusun. Terdapat juga pelajar yang tidak menjawab empat soalan seperti dikehendaki, hanya menjawab tiga soalan sahaja. Calon juga tidak menunjukkan jalan pengiraan yang lengkap dan memilih untuk mengabaikan soalan kualitatif.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menghitung kadar aktiviti mengikut aktiviti dan soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menghitung keuntungan yang diperolehi daripada perkhidmatan yang diberikan. Majoriti calon menghadapi masalah dalam menghitung kos aktiviti sokongan pelanggan. Ini adalah kerana penghitungan kos perkhidmatan menggunakan kaedah berasaskan aktiviti (ABC) dan penghitungan untung dengan mengambil kira hasil berjumlah RM5000. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

(i) Kadar aktiviti

Aktiviti	Kadar aktiviti
Perkebunan	RM5.50
Sokongan Kerja	RM34.50
Sokongan Pelanggan	RM56.00
Sokongan am	RM18.70

(ii) Keuntungan daripada Syarikat Sekura Sdn. Bhd. dengan menggunakan sistem ABC ialah RM1,973.

Soalan bahagian (a)(iii) menghendaki calon menghitung keuntungan yang diperoleh daripada perkhidmatan yang diberikan dengan mengadaikan perniagaan menggunakan sistem pengekosan tradisional. Terdapat calon yang tidak dapat mengira kadar serapan kos perkhidmatan dengan tepat. Jawapan keuntungan Syarikat Sekura Sdn. Bhd. dengan menggunakan sistem pengekosan tradisional yang sepatutnya ialah RM2,925.

Soalan bahagian (a)(iv) menghendaki calon memberikan dua sebab perbezaan keuntungan di (a)(ii) dan di (a)(iii) adalah berbeza. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Pengekosan berasaskan aktiviti lebih banyak menggunakan pemacu kos berbanding kaedah tradisional.
2. Tidak semua kos perkhidmatan bergantung kepada jam perkebunan.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung bagi menentukan sama ada pesanan khas Perniagaan Karim patut diterima atau ditolak. Majoriti calon dapat memberikan jawapan yang betul dan tepat, iaitu penambahan untung bersih RM165,000.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyatakan kos yang tidak perlu diambil kira dalam pembuatan keputusan di (b)(i). Kebanyakan calon tidak dapat mengenal pasti ketiga-tiga kos tak relevan tersebut. Jawapan yang sepatutnya ialah kos overhead perkilangan tetap, kos jualan berubah, dan kos jualan tetap setahun.

Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memperihalkan dua ciri pengekosan proses. Majoriti calon dapat memberikan jawapan yang tepat, iaitu produk yang sama (homogenous) atau tidak dapat dibezakan antara pelanggan, pengumpulan kos perkilangan adalah mengikut jabatan pengeluaran, pengeluaran produk adalah berterusan, dan kos dikumpul mengikut tempoh perakaunan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghitung dengan menggunakan kaedah purata wajaran, (i) unit setara pindah masuk, unit setara bahan mentah langsung, dan unit setara kos penukaran, (ii) kos seunit setara untuk pindah masuk, kos seunit setara bahan mentah langsung, dan kos seunit setara kos penukaran, dan (iii) kos inventori akhir kerja dalam proses dan kos unit siap. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan tepat bagi bahan mentah langsung dan kos penukaran seperti yang dikehendaki, namun begitu gagal memberi jawapan tepat untuk kos pindah masuk. Sewajarnya calon mesti menganggap kos pindah masuk ini sama seperti kos bahan langsung dan mengakaunkan unit setara dan kos pindah masuk sama seperti kos bahan mentah langsung.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Unit setara bahan mentah langsung ialah 60,000 unit dan unit setara kos penukaran ialah 52,800 unit.
- (ii) Kos seunit setara

Unit Setara		
Pindah masuk	Bahan mentah langsung	Kos penukaran
RM4.00	RM1.20	RM2.80

- (iii) Kos inventori akhir kerja dalam proses dan kos seunit siap

	Pindah masuk	Bahan mentah langsung	Kos penukaran	Jumlah
Kos siap dan dipindah	RM192,000	RM57,600	RM134,400	RM384,000
Kos inventori akhir kerja dalam proses	RM48,000	RM14,400	RM13,440	RM75,840

Soalan 3

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menjelaskan dua kelemahan pengesanan serapan. Kebanyakan calon gagal memberikan jawapan yang tepat. Jawapan calon sepatutnya perlu memberikan tumpuan kepada kelemahan pengesanan serapan sahaja. Jawapan yang tepat adalah seperti yang berikut:

1. Pengesanan serapan gagal menunjukkan kesan ke atas keuntungan dalam situasi volum jualan menurun dan tahap output kekal.
2. Pengesanan serapan memberi tumpuan kepada fungsi kos dan tidak mengasingkan kos mengikut gelagat.
3. Pengesanan serapan tidak sesuai dalam membuat keputusan jangka pendek.
4. Pengesanan serapan tidak sesuai untuk analisis kos volum untung.
5. Pengesanan serapan melibatkan masalah kos overhead terlebih atau terkurang serap.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon calon menghitung kos produk bagi pengesanan marginal dan serapan. Kebanyakan calon dapat menghitung kos produk marginal seunit, iaitu RM22.00 tetapi gagal memberi jawapan kos seunit serapan sebanyak RM40.00 kerana bermasalah menentukan kos overhead tetap yang tepat.

Maklumat soalan telah menyenaraikan kos berubah produk dan kos berubah tempoh (jualan dan pentadbiran), maka calon perlu menentukan kos tetap produk sahaja bagi menghitung kos overhead serapan. Segelintir calon tidak dapat menghitung kos overhead produk seunit yang tepat. Kadar kos overhead tetap yang tepat adalah seperti yang berikut:

$$\begin{aligned} \text{Kadar overhead perkilangan tetap} &= \frac{\text{RM315,000}}{17,500} \\ &= \text{RM18} \end{aligned}$$

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan marginal bagi bulan Julai dan Ogos. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat memberikan jawapan yang memuaskan dan menepati kehendak soalan. Namun begitu masih terdapat sebilangan kecil calon tidak dapat memberikan jawapan dalam format yang sepatutnya seperti jawapan yang di bawah:

Penyata pendapatan Marginal bagi bulan berakhir

	Julai 2023 (RM)	Ogos 2023 (RM)
Jualan	900,000	1,200,000
(-) Kos berubah:	(330,000)	(440,000)
(+) Jualan dan pentadbiran	45,000	60,000
Jumlah kos berubah	375,000	500,000
Margin caruman	375,000	700,000

Penyata pendapatan pengekosan marginal bagi bulan Julai jawapan yang sepatutnya ialah rugi bersih sebanyak RM35,000, manakala bagi bulan Ogos jawapan yang sepatutnya ialah untung bersih sebanyak RM140,000.

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menyediakan pelarasan untung bersih pengekosan marginal dan teknik pengekosan serapan bagi bulan Julai dan Ogos. Disamping itu calon juga diminta menjelaskan sebab berlaku perbezaan pendapatan bagi kedua-dua pengekosan pada bulan Julai dan Ogos. Kesilapan yang dilakukan kebanyakan calon ialah memberikan jalan kerja menghitung perbezaan untung bersih bagi dua pendekatan pengekosan ini serta tidak menyatakan tentang nilai inventori yang terdapat dalam pengekosan serapan adalah kerana kos overhead kilang yang diserap oleh pengekosan serapan.

Jawapan calon yang memberikan penjelasan perbezaan untung bersih disebabkan dalam pengekosan marginal kos overhead tetap perkilangan dianggap sebagai kos tempoh manakala dalam pengekosan serapan kos overhead tetap perkilangan dianggap sebagai kos produk tidak diterima. Pekara penting dalam penjelasan ini ialah, calon sepatutnya menggunakan terma kos overhead tetap pengeluaran dalam pengekosan serapan diserap dalam inventori akhirnya. Majoriti calon yang menjawab gagal memberikan jawapan yang sepatutnya seperti yang di bawah:

	Julai 2023 (RM)	Ogos 2023 (RM)
Untung bersih pengekosan marginal	(35,000)	140,000
Tambah: Kos overhead perkilangan tetap yang tertangguh dalam inventori di bawah pengekosan serapan ($2.500 \times \text{RM}18$)	45,000	0
Tolak: Kos overhead perkilangan tetap yang dimasukkan dalam inventori di bawah pengekosan serapan ($2.500 \times \text{RM}18$)		45,000
Untung bersih pengekosan serapan	10,000	95,000

Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan empat kegunaan kos-volum-untung dapat membantu sebuah syarikat peruncitan. Kebanyakan jawapan calon hanyalah memberi fakta yang ringkas, iaitu calon menyatakan fungsi umum perakaunan pengurusan seperti merancang, mengawal, membuat keputusan dan penilaian prestasi. Jawapan tanpa perihal menyebabkan calon tidak mendapat markah penuh. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Membantu syarikat merancang unit jualan TPM atau unit jualan bagi mencapai untung sasaran.
2. Sebagai alat membuat keputusan perletakan harga jualan bagi mencapai TPM atau untung sasaran.
3. Kawalan terhadap setiap jenis kos dapat dilakukan kerana setiap kos berubah atau harga jualan dapat mempengaruhi margin caruman.
4. Kos volum untung adalah baik bagi melihat samada TPM atau untung sasaran dapat dicapai seperti apa yang telah dirancang.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung titik pulang modal (TPM) dalam unit dan RM, (b)(ii) menghendaki calon menghitung pendapatan bersih sasaran bagi tahun 2023, (b)(iii) menghendaki calon titik pulang modal (TPM) dalam unit dan RM jika perbelanjaan tambahan RM22,500 seperti di (b)(ii) dibuat untuk belanja pengiklanan dan kos berubah ditambah kepada RM5.20 seunit. Kesilapan yang dilakukan oleh ramai calon ialah memberi jawapan mereka dalam bentuk persamaan atau selain daripada menggunakan pendekatan margin caruman.

- Jawapan bagi (b)(i) ialah: $TPM = 12,000 \text{ unit/RM}600,000$
- Jawapan bagi (b)(ii) Pendapatan bersih = RM202,500
- Jawapan bagi (b)(iii) mengambil kira perubahan kos berubah yang ditambah daripada RM27.50 + RM5.20 menjadi RM32.70. TPM dalam unit ialah 16,908 unit dan TPM dalam RM ialah RM845,400

Soalan bahagian (b)(iv) menghendaki calon calon mengemukakan cadangan kepada pihak pengurusan samada mengekal jualan pada tahap 20,000 unit atau 22,000 unit beserta alasan mengikut penghitungan di (b)(i) dan (b)(iii). Ramai calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat kerana jawapan itu perlu berdasarkan jawapan di (b)(i) dan (b)(iii). Jawapan yang sepatutnya ialah pihak pengurusan perlu mengekalkan jualan pada tahap 20,000 kerana titik pulang modal lebih rendah atau cepat dicapai berbanding pada tahap 22,000 unit.

Soalan bahagian (b)(v) menghendaki calon menghitung margin keselamatan dalam unit berdasarkan keputusan di (b)(iv). Kebanyakan calon gagal menghitung margin keselamatan dalam unit dengan tepat. Jawapan yang sepatutnya ialah 8,000 unit.

Soalan 5

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menyatakan sama ada kos yang terlibat ialah relevan atau tidak berserta alasan bagi setiap situasi. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini gagal memberikan jawapan dengan tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang di bawah:

Situasi	Kos relevan atau kos tak relevan beserta alasan
(i)	Kos relevan kerana belanja sewa kedai ialah kos tetap dan perlu ditanggung walaupun kedai makan berhenti operasi.

(ii)	Kos relevan kerana kos pengeluaran berubah dan kos belian ialah kos yang berbeza antara pilihan yang ada.
	Kos tak relevan kerana kos pengeluaran ialah kos tetap
(iii)	Kos tak relevan kerana kos mesin ialah kos tenggelam
(iv)	Kos relevan kerana kos belian mesin ialah kos masa hadapan yang perlu dipertimbangkan.
(v)	Kos relevan kerana kos latihan pekerja ialah kos boleh elak.
	Kos relevan kerana pembelian mesin baharu ialah kos masa hadapan.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung tempoh bayar balik mesin A. Kesilapan kebanyakan calon ialah belanja penyelenggaraan sebanyak RM8,000 dianggap sebagai aliran tunai keluar. Sepatutnya belanja penyelenggaraan ialah kos manfaat sama seperti aliran tunai masuk. Maka jawapan yang sepatutnya ialah aliran tunai masuk merupakan penambahan antara margin caruman RM15,000 dengan belanja penyelenggaraan RM8,000 yang menjadikan aliran tunai masuk berjumlah sebanyak RM23,000. Oleh itu jawapan yang sepatutnya bagi tempoh bayar balik ialah 1.74 tahun.

Soalan bahagian (b)(ii) dan (b)(iii) menghendaki calon menghitung nilai kini bersih mesin A dan mesin B. Kekuatan calon bagi soalan ini ialah calon dapat mengguna pakai nilai kini bersih dengan tepat, sama ada nilai kini tunai secara tahunan atau anuiti. Namun begitu, kebanyakan calon menghadapi masalah menghitung jumlah nilai kini bersih bagi kedua-dua mesin kerana memasukkan belanja penyelenggaraan yang dapat dikurangkan sebanyak RM8,000 bagi mesin A dan RM11,000 bagi mesin B sebagai aliran tunai keluar. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Mesin A

Tahun	Aliran tunai bersih (RM)	14%	Nilai kini (RM)
0	(50,000)	1.0000	(40,000)
1 – 5	23,000	3.4331	78,961.30
			38,961.30

Mesin B

Tahun	Aliran tunai bersih (RM)	14%	Nilai kini (RM)
0	(50,000)	1.0000	(50,000)
1 – 2	29,000	1.6467	47,754
3 – 5	18,000	1.7865	32,157
5	10,000	0.5194	5,194
			35,105.30

PRESTASI KESELURUHAN

Pada semester ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 1 723 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 75.56%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	14.39	5.92	11.61	4.76	18.98	10.27	9.63	4.64	2.73	5.11	11.96

RESPONS CALON

KERTAS 948/3 (PENGAPLIKASIAN PERAKAUNAN)

Komen am

Mutu jawapan calon secara keseluruhan adalah sederhana. Hal yang demikian kerana kebanyakan calon berupaya untuk menjawab soalan kuantitatif sahaja dengan baik. Bagi soalan kualitatif, kebanyakan calon kurang berupaya untuk memberi penjelasan dengan tepat dan jelas seperti penerangan yang terlalu umum dan fakta yang tidak sepadan dengan huraian. Selain itu, terdapat juga calon yang memberi tumpuan kepada soalan kuantitatif sahaja menyebabkan soalan tidak kualitatif tidak dijawab.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghurai **dua** sebab bagaimana belanjawan boleh menjadi alat kawalan yang berkesan dalam industri pembuatan. Majoriti calon tidak mendapat markah penuh kerana calon tidak membuat perkaitan dalam industri pembuatan. Kebanyakan jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Jawapan calon	Masalah Jawapan Calon
(i) Alat perancangan <ul style="list-style-type: none"> • Untuk menentukan masa depan industri • Membuat perancangan awal tentang prestasi syarikat • Untuk merancang prestasi masa hadapan • Supaya syarikat tahu hala tuju yang perlu di buat pada masa hadapan (ii) Alat kawalan <ul style="list-style-type: none"> • Mengawal apa-apa sebelum keputusan dibuat. • Mengelak berlakunya pembaziran dan ketidakcekapan • Boleh menjadi rujukan supaya pengurus dapat membuat keputusan mengawal apa yang tidak diperlukan 	Jawapan calon hanya menyatakan fakta secara umum tanpa mengaitkan fakta dengan industri pembuatan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (i) Alat perancangan
- Menentukan matlamat atau jumlah pengeluaran yang ingin dicapai oleh industri pembuatan
 - Daripada matlamat utama industri pembuatan, aktiviti yang menyumbang ke arah matlamat dapat dirancang
 - Belanjawan menggalakkan pengurus industri pembuatan memikirkan matlamat perniagaan untuk jangka masa lebih jauh ke hadapan berbanding hanya memikirkan aktiviti harian
- (ii) Alat kawalan
- Belanjawan dapat menjadi pandu arah semua aktiviti dalam industri pembuatan bagi memastikan matlamat tercapai
 - Dengan adanya belanjawan, prestasi sebenar dalam industri pembuatan dapat dibandingkan dengan jangkaan
 - Analisis varians dalam industri pembuatan dapat dibuat dan kenalpasti sebab terjadi varians dan langkah penambahbaikan akan diambil.

Soalan bahagian (b) mengkehendaki calon memberikan **tiga** kelebihan belanjawan fleksibel berbanding dengan belanjawan statik. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang betul, iaitu calon menekankan kelebihan belanjawan fleksibel. Walau bagaimana pun, terdapat juga segelintir calon yang memberi huraian secara umum dan tidak memberi kelebihan belanjawan fleksibel.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti berikut:

Kelebihan belanjawan fleksibel berbanding belanjawan statik adalah:

- Membolehkan penilaian prestasi yang lebih tepat
- Memudahkan perbandingan pencapaian perancangan dan sebenar melalui analisis varians
- Pengasingan kos tetap dan kos berubah membolehkan perancangan dibuat dengan lebih baik
- Perletakan harga boleh dibuat dengan lebih berkesan apabila kos tetap dan kos berubah dikenal pasti.

Soalan bahagian (c)(i) mengkehendaki calon menentukan kos tetap dan kos berubah seunit setiap kos pengeluaran. Terdapat calon yang silap menghitung kos tetap dan kos berubah untuk tahun 2021 dan 2022 dengan membahagikan kos pengeluaran dan tahap aktiviti mengikut tahun. Sebilangan besar calon pula tidak menggunakan kaedah tinggi-rendah yang mana calon hanya membahagi jumlah kos dengan unit tingkat tersebut sahaja. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Item	2021	2022	Kos berubah (RM)	Kos tetap (RM)
	80000 unit	100 000 unit		
	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Kos (RM)		
Bahan mentah	285,000	345,000	3.00	45,000
Buruh	450,000	537,000	4.35	102,000
Overhed	250,000	300,000	2.50	50,000

Kos berubah bahan mentah ialah RM3.00 seunit

Kos tetap bahan mentah ialah RM45,000

Kos berubah buruh ialah RM4.35 seunit

Kos tetap buruh ialah RM102,000

Kos berubah overhead ialah RM2.50 seunit

Kos tetap overhead ialah RM50,000

Soalan bahagian (c)(ii) mengkehendaki calon menyediakan belanjawan fleksibel. Terdapat calon yang menyediakan belanjawan fleksibel mengikut format yang salah iaitu mempunyai varians. Terdapat calon yang memberi jawapan yang salah seperti yang berikut:

	Belanjawan (RM)	Sebenar (RM)	Memuaskan (M)/ Tidak Memuaskan (TM)
Jualan (120,000 unit)	120,000	120,000	-
(-) Kos berubah:			
Bahan mentah	345,000	414,000	M
Buruh	537,000	644,000	M
Overhed	300,000	360,000	M
Jumlah	1,182,000	1,418,000	M

Jawapan yang sepatutnya adalah:

Belanjawan fleksibel tahun 2023:

Item	Kos seunit (RM)	Jumlah Kos (RM)
Tingkat pengeluaran		120,000
Kos berubah:		
Bahan mentah	3.00	360,000
Buruh	4.35	522,000
Overhed	2.50	300,000
	9.85	1,182,000
Kos tetap		197,000
Jumlah kos		1,379,000

Soalan 2

Soalan bahagian (a) mengkehendaki calon memberikan **dua** kepentingan perjanjian dalam perniagaan perkongsian. Hampir semua calon boleh menjawab soalan ini dengan tepat. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir pelajar yang memberi jawapan yang salah seperti berikut:

1. Untuk mengelakkan penipuan dan penyelewengan.
2. Dapat membahagikan keuntungan sama rata, mengikut nisbah keuntungan dan berkaitan dengan modal pekongsi, ambilan dan gaji.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

1. Mengelakkan konflik di antara pekongsi
2. Sebagai rujukan dan pernyataan tanggungjawab dan hak setiap pekongsi

Soalan bahagian (b)(i) mengkehendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif bagi perniagaan ImaQis. Kebanyakan calon boleh menjawab soalan ini dengan baik. Antara kesilapan yang dibuat oleh calon ialah:

- menukar kos barang dikilang kepada belian.
- kesilapan menghitung item gaji dengan tepat untuk setahun.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

Perniagaan ImaQis Bersatu		
Penyata Pendapatan Komprehensif untuk tahun berakhir 30 Jun 2022		
	RM	RM
Jualan		1,150,000
(-) Kos Jualan		(722,500)
Untung Kasar		427,500
(-) Belanja		(266,300)
Untung Bersih		161,200

Soalan bahagian (b)(ii) mengkehendaki calon membuat penyata perasingan untung rugi. Terdapat calon yang membuat kesilapan dengan menulis perkongsian untung atau perkongsian rugi sebagai pembahagian kepada pekongsi.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti di bawah:

Perniagaan ImaQis Bersatu		
Penyata Perasingan Untung Rugi untuk tahun berakhir 30 Jun 2022		
	RM	RM
Pendapatan bersih		161,200
Gaji		(60,000)
Faedah atas modal		(13,600)
		87,600
Akaun Modal	39,818	
Iman ($5/11 \times 87,600$)	23,891	
Amani ($3/11 \times 87,600$)	23,891	
Qistina ($3/11 \times 87,600$)	87,600	87,600

Soalan bahagian (b)(iii) meminta calon menyediakan akaun modal menggunakan kaedah modal berubah. Sebilangan besar calon dapat menjawab dengan dengan tepat. Terdapat juga calon yang masih lagi gagal menulis butiran yang tepat bagi perkongsian untung daripada akaun pengasingan untung rugi.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

Akaun Modal

	Iman	Amani	Qistina		Iman	Amani	Qistina
Ambilan	6,000	8,000	4,500	Baki b/b	80,000	50,000	40,000
Baki h/b	120,218	99,891	92,591	Gaji		30,000	30,000
				Faedah atas modal	6,400	4,000	3,200
				Perasingan Untung Rugi	39,818	23,891	23,891
	126,218	99,891	92,591		126,218	99,891	92,591

Soalan 3

Soalan bahagian (a)(i) mengkehendaki calon menyediakan analisis mendatar. Majoriti calon boleh menjawab soalan ini dengan baik. Walau bagaimanapun beberapa kesilapan yang dilakukan oleh segelintir calon seperti yang berikut:

1. Tidak meletakkan tanda kurungan bagi item yang mengalami pengurangan iaitu belanja jualan dan pentadbiran.
2. Tidak menunjukkan amaun perubahan sebaliknya memberi peratus sahaja
3. Kesilapan dalam penghitungan.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

	2022	2021	Perubahan	%
Jualan	1,805,250	1,330,500	474,750	35.68
Kos barang dijual	1,150,375	805,800	344,575	42.76
Untung kasar	654,875	524,700	130,175	24.81
Belanja jualan dan pentadbiran	225,200	255,300	(30,100)	(11.79)
Belanja faedah	15,800	13,500	2,300	17.04
Untung bersih sebelum cukai	413,875	255,900	157,975	61.73
Cukai pendapatan	35,000	30,500	4,500	14.75
Untung bersih selepas cukai	378,875	225,400	153,475	68.09

Soalan bahagian (a)(ii) mengkehendaki calon memberi ulasan tentang prestasi syarikat secara keseluruhan. Pelajar masih lemah dalam memberikan ulasan. Majoriti calon boleh menjawab memberikan ulasan yang betul iaitu prestasi dengan baik dan memberi penjelasan yang tepat. Terdapat segelintir calon yang memberi jawapan yang tidak tepat iaitu prestasi yang tidak baik.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

Prestasi lebih baik bagi tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021. Ini adalah kerana jualan, untung kasar, untung bersih selepas cukai meningkat.

Soalan bahagian (b)(i) mengkehendaki calon untuk menentukan sama ada pelaburan dibuat atau tidak dengan menganalisis nisbah yang berkaitan. Calon yang baik dapat menjawab dengan tepat. Terdapat beberapa kesalahan yang dilakukan oleh segelintir calon seperti yang berikut:

1. Menganalisa semua nisbah dan tidak memberi tumpuan kepada nisbah pelaburan.
2. Menghuraikan kegunaan nisbah.

Jawapan yang sepatutnya adalah:

Nisbah	2022	2021	Ulasan
Nisbah semasa	1.58 : 1	1.95 : 1	Tahun 2021 lebih baik/ Tahun 2022 merosot/kurang baik
Perolehan sesyer	RM 0.99	RM 0.79	Tahun 2022 lebih baik
Nisbah hutang atas aset	0.14 : 1	0.24 : 1	Tahun 2022 lebih baik
Pulangan atas aset	60%	45%	Tahun 2022 lebih baik
Kadar hasil dividen	8%	6%	Tahun 2022 lebih baik

Cadangan: Boleh melabur

Soalan bahagian (b)(ii)(1) mengkehendaki calon memberikan pandangan tentang kecekapan pengurusan inventori syarikat. Majoriti pelajar dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

	2022	2021	Ulasan
Pusing ganti inventori	2.82 kali	3.75 kali	Tahun 2022 merosot

Pengurusan inventori tahun 2022 kurang cekap berbanding dengan tahun 2021

Soalan bahagian (b)(ii)(2) mengkehendaki calon memberikan dua cadangan tentang pengurusan inventori syarikat itu. Segelintir calon dapat dapat memberikan jawapan yang tepat dengan memberi cadangan yang sesuai untuk pengurusan inventori. Terdapat calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Kebanyakan jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Jawapan Calon	Masalah Jawapan Calon
<ul style="list-style-type: none">• Menggunakan kaedah MDKD• Menggunakan kaedah JIT (Just in Time)• Jangan simpan inventori terlalu lama• Merekod inventori dengan tepat menggunakan kad lebar stok• Membali inventori yang berkualiti dan harga yang murah	Calon memberikan cara mengurus inventori

Jawapan yang sepatutnya adalah:

1. Menggiatkan aktiviti promosi
2. Menawarkan diskaun niaga yang menarik kepada pelanggan
3. Menawarkan diskaun tunai kepada pelanggan
4. Menawarkan harga yang lebih menarik berbanding dengan pesaing

Laporan Peperiksaan

STPM 2023



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. (89120-H)



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)